

13 AUG 2002

MAHATHIR-BAKUN/I

DR M HARAP KONTRAKTOR BARU EMPANGAN BAKUN DIPUTUSKAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap keputusan mengenai pemilihan kontraktor baru bagi projek Empangan Hidroelektrik Bakun akan diketahui tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), di sini hari ini, beliau berkata adalah perlu untuk memberikan kontrak itu dengan segera memandangkan penggunaan elektrik telah meningkat ke tahap yang "menakutkan".

"Kita harap keputusannya tidak lama lagi kerana penggunaan elektrik di Malaysia meningkat dalam masa sebulan sebanyak 900 megawatt dan itu amat menakutkan," katanya.

Terdapat desas desus bahawa keputusan bagi tender-tender yang melibatkan pembinaan empangan utama dan pemasangan bekalan peralatan elektro-mekanikal akan diumumkan bulan ini.

Projek hidroelektrik Bakun diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) daripada Bakun Hydroelectric Corp pada Ogos 1997 berikutan kelembapan ekonomi.

Ia diteruskan semula pada Mac tahun lepas dan kini dikendalikan oleh Sarawak Hydro Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh MoF.

Keseluruhan projek empangan Bakun dianggarkan bernilai RM9 bilion dan dapat menjana 2,400 megawatt elektrik. -- BERNAMA

LES KTC NHD